

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 12 FEBUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	SIM: AGRICULTURE MINISTRY NOT RECEIVING ANY OFFICIAL LETTER REGARDING VISIT OF HAN KUO YU, NATION, KWONG WAH YIT POH -A6a HAN KUO -YU TO MEET AGRICULTURAL MINISTER AND KL MAYOR ON FEB 24, NATION, SIN CHEW DAILY -7 ITINERARY FOR HAN KUO YU DISCLOSES MEETINGS WITH MINISTER OF AGRICULTURE AND KUALA LUMPUR, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 KAOHSIUNG MAYOR TO VISIT MALAYSIA AND MEET AGRICULTURAL MINISTER ON FEB 24, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
5.	NEGATIF RABIES, SETEMPAT, HM -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	LKIM PANDANG SERIUS TRANSAKSI HARAM JUAL BELI HASIL LAUT, TENGAH, SH -17	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7. 8. 9. 10.	PERLUAS TANAMAN PETAI DI TEMERLOH, SENTRAL, SH -20 PESTA MENGEMPING DI JELEBU MERIAH, NEGARA, KOSMO -12 MARITIM MALAYSIA SARAN NELAYAN GUNA PLB, DALAM NEGERI, UM -10 TEMBUSI PASARAN THAILAND, RENCANA, SH -38	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Sim : Agriculture ministry not receiving any official letter regarding visit of Han Kuo Yu		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	12 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A6a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	152 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 714
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,142



台媒报道韩国瑜将访农长 沈志勤：农部未接公函

（吉隆坡 11 日讯）尽管台湾媒体公布台湾高雄市长韩国瑜访马行程，并且将与农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育会面，惟该部受询时表示至今并未有相关行程的安排。

虽然台湾媒体今日报道高雄市长韩国瑜将于本月 24 日至 25 日访马，且将与我国农长的会面列入行程之一。

但《光华日报》探析，农业及农基工业部部长办公室并未有相关行程，并且指若高雄市长欲与大马农长会面，须经由驻马台北经济文化办事处的安排，惟该部至今尚未接到该办事处的正式公函。

农业及农基工业部副部长沈志勤在接受本报电访时表示，本身对韩国瑜的行程不知情，且他联系部长办公室后，得到的回复是部长并未有相关的行程。

“我不知道他（韩国瑜）会来我国。如果他要与部长（沙拉胡丁阿育）会面，须根据标准作业程序，即通过驻马台北经济文化办事处发出正式公函，再由我们这边做安排。”

“可是，至今我们都没有收到该办事处的公函。”

根据台湾媒体《新头壳》独家报道，韩国瑜会在本月 24 日至 25 日到访我国，他先会在 24 日上午 10 时与农长沙拉胡丁会面，并于当日下午在马台经贸协会顾问拿督丁重诚的邀请下，与本地华社和台商进行午餐交流，至于晚上他则会出席吉隆坡市长诺希山的欢迎晚宴。

翌日，韩国瑜则会在吉隆坡中环广场雅乐轩酒店（Aloft KL Sentral）与 Euro-atlantic 私人有限公司签署合作备忘录。随后，就会乘搭亚航班机飞往新加坡，展开当地行程。

与此同时，本报在向马台经贸协会秘书长徐忍川确认时也发现，他并不知悉 24 日下午有和韩国瑜的午餐交流宴。

韩国瑜是在去年 12 月 25 日正式出任高雄市长，而这也是他上任后的首个海外行程。

据悉，他此次的马新行程的主要目的是行销高雄农渔产品。#

Headline	Han Kuo-Yu to meet Agricultural Minister and KL Mayor on Feb 24		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	12 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	294,476
Page No	7	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	244 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,019



星洲日报

12. 2. 2019

星期二



韓
國
瑜

台媒曝光訪馬新行程細節

24日晤農長隆市長

(台北11日综合电)台湾网站星期日公布据称是高雄市长韩国瑜2月下旬到访新马的行程细节,内容除了称韩国瑜将比原订日期提前一天出发之外,他也将于24日上午与马来西亚农业及农基工业部长沙拉胡丁及吉隆坡市长拿督诺希山会面交流。

据台湾新闻网站“新头壳”引述所获得的行程细节,韩国瑜也将在5天的行程中与新马的台商餐叙讨论投资高雄事宜。

韩国瑜此前证实,将在2月24至27日前往马来西亚和新加坡行销高雄农渔产品。

比预订日期提早一天出发

“新头壳”记者所取得的“高雄市政府2019年赴东南亚新马地区超市交流暨签订合作契约计划行程表”显示,韩国瑜将比预订日期提早一天自桃园机场出发直飞吉隆坡,搭乘的正是近日因机师罢工闹得沸沸扬扬的中华航空公司班机。

韩国瑜此行第一个公开行程将于2月24日早上10时与沙拉胡丁会面交流,中午由台商拿督丁重诚做东,与马来西亚华社及台商聚餐,下午行程未确认,晚上诺希山设宴欢迎,驻马来西亚台北经济文化办事处代表处陪同。

根据报道,韩国瑜将于2月25日早上11时至下午1时在吉隆坡所下榻酒店Aloft KL Sentral与Euro-atlantic签约及用餐,约下午2时搭乘亚航前往新加坡。

行程曝光引发“内鬼论”

由于韩国瑜访新马的行程是绿媒星期日深夜独家曝光,行程内容超详细,引发议论,有网民说“高雄市政府真的有内鬼”。

另有网民留言回应“其实也不意外,市府里多少(前高雄市长)陈菊的人马还在”,“消息提早曝光或许会有变数?”

Headline	Itinerary for Han Kuo Yu discloses meetings with Minister of Agriculture and Kuala Lumpur		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	12 Feb 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	346 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,057



将晤我国农长隆市长 韩国瑜马新行程曝光

(高雄 11 日讯) 高雄市长韩国瑜月底将出访马来西亚和新加坡，推销高雄的农渔产品。行程显示，韩国瑜将比原订日期提早一天出发，5 天停留时将与大马农业部长、吉隆坡市长会面。

他在新加坡时将与职工总

会平价合作社和升菰超市签约，并举办高雄观光行销记者会。

韩国瑜也将和两国的台商餐叙，讨论投资高雄事宜。

韩国瑜将在 2 月 24 至 27 日，前往马来西亚和新加坡访问。他从桃园机场出发直飞吉

隆坡国际机场，搭乘中华航空公司班机。

韩国瑜在新年前受访时，曾表示对台湾的农渔产品有信心，去马来西亚和新加坡主要是与当地相关业者签订商业合作契约，希望把高雄的农渔产品很稳定地卖出去；台湾的农渔产品品质都很好，不用担心，只要卖得出去，价格合理，都会受欢迎。

他还透露目前住在新加坡的艺人崔丽心也会协助高雄行销蔬果。



韩国瑜将出访马新推销高雄农渔产品。

韩国瑜部分行程

- 2 月 24 日上午 10 时至 11 时 30 分：韩国瑜与马来西亚农业部长会面交流，中午由拿督丁重诚作东，与大马华社及台商聚餐。晚上吉隆坡市长设宴欢迎，驻马来西亚代表处陪同。
- 2 月 25 日上午 11 时至下午 1 时：在吉隆坡中环 Aloft 与 Euro-atlantic 签约及用餐，约下午 2 时离开后，直奔吉隆坡机场搭乘亚航飞往新加坡，参加中华总商会的晚宴。
- 2 月 26 日上午 9 时 30 分至 11 时 30 分：在 Hyper JEM 与新加坡 NTUC Fairprice (职总平价超市) 签约后，由信和集团主席邀请高雄市长团队、Fairprice 公司重要干部与数个有意投资高雄的企业人士共同在 Fullerton bay hotel 餐厅用餐，下午与升菰超市签约后参访新加坡万春商物流。
- 2 月 27 日上午：举办高雄观光行销记者会，下午 6 时 25 分自新加坡搭乘华航 CI 758 航班，晚上 10 时 04 分抵达高雄。

Headline	Kaohsiung mayor to visit Malaysia and meet agricultural minister on Feb 24		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	12 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A12	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	246 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,314
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,943



吉隆坡11日讯 | 台湾媒体曝光，高雄市长韩国瑜在本月24日及25日来马来西亚的行程，包括会晤农业及农基工业部长及吉隆坡市长。

台湾新闻网站「新头壳」昨日引述所获得的行程细节，发布韩国瑜在2月24日至27日在马新的行程，而韩国瑜将在吉隆坡逗留2天1夜。

据这份行程表，韩国瑜在抵达后的第一个公开行程是24日上午10时与农业部长会面交流，中午由拿督丁重诚作东，与大马华社领袖及台商聚餐，下午行程未确认，晚上吉隆坡

高雄市长24日访马晤农长

市长设宴欢迎，而台北驻马经济办事处代表将会陪同。

根据行程表，韩国瑜在次日（25日）上午11时至中午1时将会在吉隆坡中环广场雅乐轩酒店（Aloft Kuala Lumpur Sentral）见证与Euro-atlantic 签约仪式，接著就直奔吉隆坡机场搭亚航前往新加坡，接受新加坡中华总商会晚宴，而他在新加坡也将见证台方与职总平价及升菰超市的签约。

较早前，韩国瑜证实他将

在2月24日至27日前往马来西亚和新加坡行销高雄农渔产品。

台湾网民指有内鬼

由于大马奉行「一中政策」，官方会否高调接待韩国瑜还有待观察，而在这份详细出访行程表曝光后，台湾网民留言高呼高雄市政府有内鬼。

这份曝光的行程表也显示韩国瑜与预订日期提早一天自桃园机场出发直飞吉隆坡



韩国瑜 ▶ 高雄市长

机场，搭乘最近因机师罢工闹得沸沸扬扬的中华航空公司班机，惟目前航班尚未确认。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	27

Negatif rabies

■ Veterinar sahkan bangkai anjing gigit budak lima tahun bebas penyakit anjing gila

Zahratulhayat Mat Arif
am@hmetro.com.my

Ipoh

Sampel tisu daripada bangkai anjing yang menggigit seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun di Kampung Air Kuning, Taiping minggu lalu, didapati negatif penyakit anjing gila atau rabies.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, berikutan itu pihaknya akan menasihati Jabatan Kesihatan Perak supaya tidak memberi vaksin rabies kepada kanak-kanak berkenaan.

"Kami menyarankan agar Jabatan Kesihatan negeri hanya merawat luka akibat gigitan anjing itu saja," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Pada Khamis lalu, Muhammad Raqib Rayyan Mohammad Nazri, 5, dilaporkan diserang anjing jirannya secara tiba-tiba ke-



“

Sebanyak 677 anjing dan lapan kucing di daerah berkenaan sudah dilupuskan sejak 14 Januari lalu”

Dr Quaza

tika bermain bersama rakannya kira-kira jam 1.30 tengah hari.

Mangsa mengalami kecederaan pada betis kanan akibat digigit anjing berkenaan, sebelum haiwan itu diserahkan oleh pemiliknya kepada Jabatan Per-

khidmatan Veterinar dan pihak berkuasa berkaitan untuk dilupuskan.

Dr Quaza Nizamuddin juga berkata, sehingga kini sebanyak 4,444 anjing sudah diberi vaksin rabies di daerah Larut Matang Selama (LMS) yang diisytiharkan sebagai kawasan wabak rabies pada 14 Januari lalu.

"Sebanyak 677 anjing dan lapan kucing di daerah berkenaan sudah dilupuskan sejak 14 Januari lalu, selain turut merekodkan 71 kes digigit anjing sehingga hari ini."

"Daripada 112 sampel yang diambil dari otak anjing, hanya empat anjing saja yang disahkan positif rabies dan tiada kes baru rabies dilaporkan setakat ini," katanya.

Pada 14 Januari lalu, kawasan Taiping dan Bukit Gantang diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies selepas dua orang di Taman Sri Kota fasa 2 Taiping digigit anjing peliharaan mereka secara tiba-tiba.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2019	SINAR HARIAN	TENGAH	17

LKIM pandang serius transaksi haram jual beli hasil laut

PUCHONG - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memandang serius sebarang transaksi haram melibatkan penjualan hasil tangkapan ikan negara kepada nelayan asing di tengah laut.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya mengambil maklum laporan bahawa terdapat sindiket yang melakukan aktiviti itu lantas menyumbang kepada penyusutan stok bekalan negara dan menjadi punca kenaikan harga ikan melampau.

Katanya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) juga perlu meningkatkan kawalan di perairan tertentu bagi memastikan aktiviti yang merugikan hasil negara itu dapat dibanteras.

"Kita memandang serius dakwaan berlakunya transaksi jualan di tengah laut melibatkan tangkapan dalam perairan negara.

"Begitu pun, transaksi penjualan hasil tangkapan di tengah laut mungkin boleh berlaku jika di Perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE).

"Apa yang penting, penguatkuasaan perlu dipertingkatkan, pencerobohan nelayan asing dapat dibendung supaya tiada ketirisan hasil tangkapan ikan seterusnya kepentingan nelayan tempatan



MUHAMMAD FAIZ

tidak terjejas," katanya menerusi satu kenyataan.

Terdahulu, media melaporkan dakwaan sebuah persatuan nelayan di Kuala Perlis yang mengaitkan kenaikan harga ikan dan kekurangan bekalan berpunca daripada aktiviti jual beli hasil tangkapan dan juga minyak kepada nelayan asing.

Mengulas lanjut, Faiz berkata LKIM sentiasa menitikberatkan aspek pengawalan melalui penyediaan prosedur standard operasi (SOP) dengan menetapkan langkah-langkah patuhan bagi mendapatkan bekalan diesel bersubsidi di pusat-pusat jualan.

Katanya, terdapat kouta di dalam pemberian diesel bersubsidi kepada vesel nelayan yang telah ditetapkan mengikut zon tangkapan, perkakasan dan juga Gross Register Tonnage (GRT) dengan ketetapan kouta minimum sebanyak 1,000 liter sebulan hingga maksimum 24,000 liter sebulan bagi sesebuah vesel.

"LKIM juga telah mewajibkan penggunaan Sistem e-Nelayan yang dihubungkan dengan alat peranti khas di setiap pusat jualan runcit diesel bersubsidi. Sistem ini hanya boleh diakses melalui MyKad pemilik vesel sahaja untuk pembelian bahan api tersebut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	20

Perluas tanaman petai di Temerloh

TEMERLOH - Penanaman pokok petai mampu menjana pendapatan lumayan dan berpotensi dikomersialkan di daerah ini.

Ahli Parlimen Temerloh, Mohd Anuar Tahir berkata, pendekatan tersebut boleh dilaksanakan memandangkan wujudnya permintaan tinggi petai khususnya dari China sejak kebelakangan ini.

Menurutnya, dengan jumlah penduduk yang tinggi dari negara tersebut, penanaman pokok petai dilihat tepat pada masanya.

"Selain permintaan dari negara sana, petai juga mendapat permintaan tinggi daripada rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Jadi, saya melihat pena-

anaman petai perlu diketengahkan untuk ditanam lebih meluas di Temerloh dan saya melihat selain satu desa satu produk, setiap desa atau kampung perlu ada projek pertanian," katanya.


Beliau berkata sedemikian kepada pemberita sempena Majlis Perasmian Projek Cili Fertigasi (Desa Lestari) Koperasi Bukit Kelulut Berhad di Kampung Bukit Kelulut.

Hadir sama Pengerusi Koperasi, Abu Bakar Osman dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Abu Kassim Kamat dan wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Temerloh, Mohd Hafizu Sulaiman.



Mohd Anuar (dua, kanan) menandatangani gegantung projek sebagai simbolik perasmian sambil diperhatikan oleh Abu Bakar (dua, kiri).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2019	KOSMO	NEGARA	12



SEBAHAGIAN peserta menyertai aktiviti mengoca atau menangkap ikan menggunakan tangan di sawah semasa Pesta Mengemping di Jelevu baru-baru ini.

Pesta Mengemping di Jelevu meriah

JELEBU – Seramai 1,000 pengunjung memeriahkan Pesta Mengemping dan Jelevu Eco Ride 2019 yang diadakan di Inap Desa Sungai Buloh, Jelevu, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir berkata, program tersebut dianjurkan untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti yang diadakan di inap desa berkenaan selain merasmikan ia sebagai produk pelancongan di daerah Jelevu.

Katanya, program yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Jelevu dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan dengan kerjasama Inap Desa Sungai Buloh itu turut mengadakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang satu hari program berlangsung.

“Pesta Mengemping adalah aktiviti keramaian yang dijalankan semasa musim menuai padi di Kampung Sungai Buloh di mana semasa pesta ini, penduduk kampung akan berkumpul dan bersama-sama menyediakan emping padi.

“Selain itu, terdapat juga aktiviti lain diadakan seperti bola sepak sawah, mengoca (menangkap ikan dengan tangan), Jelevu Eco Ride 2019, pertandingan memikat burung, persembahan kebudayaan serta gerai pameran dan jualan,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur semalam.

Bakri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Klawang berkata, program tersebut turut memperkenalkan trek *motocross* sejauh 40 kilometer yang melalui beberapa produk ekopelancongan seperti Jeram Enggang, Jeram Gajah, Jeram Sungai Pah dan Sungai Buloh di daerah berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Maritim Malaysia saran nelayan guna PLB

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menyarankan komuniti laut terutamanya nelayan agar melengkapkan diri dengan peranti *personal locator beacon* (PLB) bagi mempercepatkan penyaluran bantuan atau operasi mencari dan menyelamat (SAR) sekiranya berlaku kecemasan ketika berada di laut.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar berkata, peranti tersebut penting ketika berdepan situasi kecemasan di laut kerana akan mengaktifkan pengesan jejak isyarat dan lokasi sekali gus memudahkan usaha pencarian.

“Peranti ini akan memudahkan Maritim Malaysia mengesan lokasi kejadian dengan lebih cepat bagi kes yang berlaku di laut antaranya pelanggaran kapal, anak kapal jatuh laut, nelayan atau pemancing lemas.

“Rakyat akan mendapat manfaat besar dengan adanya peranti



ZULKIFLI ABU BAKAR (tengah) ketika kunjungan hormat ke Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Zulkefli Hamzah (empat dari kiri) dan Johardy Ibrahim (tiga dari kiri). - UTUSAN/ADIB YAHYA

yang akan menjejak isyarat dan lokasi tepat dari ‘beacon’ kecemasan. Bantuan pada waktu kecemasan daripada agensi berkaitan akan tiba dalam kadar segera bersama-sama peralatan mencukupi.

“Oleh itu, kami mohon nelayan atau individu yang menjalankan aktiviti di laut supaya mendapatkan peranti ini kerana amat berguna ketika berdepan situasi cemas,” katanya ketika

ditemui di Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad, Jalan Chan Sow Lin, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah dan Pengarang Berita

Kanan, Johardy Ibrahim.

Zulkifli memaklumkan, peranti PLB menggunakan sistem teknologi satelit terkini iaitu Cospas-Sarsat yang turut digunakan bagi peralatan *Emergency Locator Transmitter Maritime* (ELT) dan *Emergency Position Indicating Radio Beacon* (EPIRB) yang dipasang di kapal dan bot.

“Apabila kita menerima isyarat kecemasan, kita akan melakukan pemeriksaan dan terus menghubungi waris terdekat bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai aktiviti mangsa dan sebagainya.

“Disebabkan itu, adalah penting bagi pemilik peranti kecemasan untuk mendaftarkan peranti menerusi laman sesawang bim.mma.gov.my supaya dapat memberi manfaat sepenuhnya apabila berlaku sebarang kecemasan tidak kira sama ada anda berada di laut atau darat,” ujarnya.

Tembusi pasaran Thailand

Dari berniaga kecil-kecilan Ahmad kini pemborong, pengeksport manggis

NORAWAZNI YUSOF

RAUB

Lelaki bertubuh kecil ini tidak menyangka usahanya menceburi bidang penjualan buah manggis di daerah ini, tidak sisa-sia.

Ahmad Mustafa, 39, kini menjadi pemborong buah manggis untuk dipasarkan ke Thailand secara besar-besaran.

Ahmad berkata, dia tidak pernah terfikir perniagaannya akan pergi sejauh itu, memandangkan baru bermula sekitar lima tahun lalu.

"Terus terang saya cakap, ALLAH buka rezeki saya seluas-luasnya. Dulu

saya hanya berniaga buah kecil-kecilan dan kini saya jadi pemborong buah manggis untuk dihantar ke Thailand.

"Semuanya berlaku dengan pantas dan peluang yang saya peroleh akan digunakan sebaik

mungkin bagi memastikan perniagaan saya ini terus berkembang maju," katanya.

Menurutnya, pada mulanya dia hanya mencuba menembusi pasaran di negara gajah putih itu selepas menyedari permintaan tinggi terhadap buah terabit.

Dia kemudiannya menggunakan kesempatan yang ada dengan mencari pasaran dan ternyata usahanya berhasil.

"Siapa sangka daripada percubaan menjadi satu kenyataan. Dalam tempoh kira-kira tiga bulan saya dapat Kumpulan lebih 100 tan yang dijangka dapat dieksport secara terus kepada pembekal di negara gajah putih.



Ahmad dan beberapa pekerja menunjukkan buah manggis yang akan dipasarkan di Thailand.

"Perjalanan untuk kerja-kerja (penjualan) ini berjalan lancar dan dipermudahkan apabila sasaran saya untuk dapatkan bekalan banyak untuk pasaran pertama berjaya," katanya.

Kini, Ahmad menghantar lebih 20 tan bekalan buah manggis setiap minggu ke negara jiran itu dengan hanya menggunakan jalan darat selepas melalui beberapa proses.

Bekalan dari tiga daerah

Pada mulanya, Ahmad mengakui tertekan untuk mendapatkan bekalan, bagaimanapun selepas membuat tinjauan di beberapa daerah di sekitar negeri ini, akhirnya dia berjaya mendapatkan pembekal.

Katanya, kini dia dapat bekalan buah itu secara tetap daripada pekebun kecil di Raub, Lipis dan Bentong, manakala rumah lama milik penduduk Kampung Segi Lama, dijadikan pusat pengumpulan.

"Seramai 36 pekerja diperlukan terdiri daripada orang muda untuk melakukan kerja memetik buah, gred dan membungkus serta mengisi dalam



Pekerja sedang mengredkan buah manggis.

bakul sebelum menaiki lori.

"Hanya buah 50 hingga 70 peratus masak dipetik bagi menjaga kualitinya apabila sampai kepada pemborong atau penerima di Thailand," katanya.

Dia berkata, buah yang mencapai 90 peratus masak hanya untuk pasaran tempatan kerana ia mampu bertahan tiga hingga lima hari sahaja.

Sementara itu, Ahmad mengakui bukan mudah untuk mengendalikan perniagaan tersebut. Lantaran itu dia bertuah dapat sokongan daripada rakan kongsinya Mahmud Che Mamat, 53.

Jelasnya, Mahmud banyak mendorongnya untuk mencuba menembusi pasaran antarabangsa kerana kualiti manggis di Pahang Barat terutama di Raub dan Bentong yang baik.

"Bila dah berjaya pasar manggis di sana (Thailand) terbukti kita boleh menerokai pasarnya walaupun negaranya merupakan negara pertanian yang lebih maju daripada Malaysia," katanya.

RM3 hingga RM5 sekilogram

Ahmad berkata, dia menjual manggis dengan harga borong antara

RM3 hingga RM5 sekilogram (kg).

Katanya, kesemua buah itu dijual kepada seorang pemborong di negara jiran, Jefri Abdullah yang sanggup menerima semua buah dibekalkan.

Katanya, harga yang ditawarkan itu amat berpatutan memandangkan buah-buahan ini bemusim.

"Perniagaan ini memberi pulangan menguntungkan kerana manggis keluaran Pahang ada rasa yang manis dan menarik, kini sudah berada di negara luar.

"Saya jangkaan pengeluaran manggis luar musim yang jarang berlaku di negeri ini akan berlaku hingga akhir Mac depan, musim durian dijangka tiba pada Mei," katanya.

Sementara itu, dia berkata, permintaan terhadap manggis begitu menggalakkan terutama pada musim kali ini.

Katanya, walaupun di luar musim namun pengeluaran buah manggis begitu banyak dan memuaskan berbanding sebelum ini.

Dalam pada itu Ahmad berkata, dia berasa bangga kerana usaha mengeksport manggis yang dilakukan turut membuka peluang pekerjaan kepada golongan belia.



USAHAWAN Kita

Ahmad (kanan) dan pemborong, Jefri melihat buah manggis yang akan dihantar ke Thailand di pusat pengumpulan Kampung Segi Lama.

